

Rusuhan tidak sepatutnya berlaku—PM

UM

KOTA KINABALU
24 Mac — Datuk Sri
Dr. Mahathir Mohamad berkata beliau amat kecewa dengan kejadian - kejadian rusuhan dan tunjuk perasaan yang berlaku sejak beberapa hari lalu yang boleh mencemarkan nama baik negara.

Katanya, beliau telah mengunjungi ke tempat - tempat kejadian itu dan melihat sendiri apa yang berlaku.

"Ini amat mengecewakan dan tidak sepatutnya berlaku kerana boleh mencemarkan nama baik negara," katanya dalam satu sidang akhbar di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini petang ini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Malang

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau melakukan lawatan singkat ke Kota Kinabalu hari ini untuk melihat keadaan di negeri ini dan untuk menemui pemimpin - pemimpin politik terutama Ketua Menteri.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyifatkan kejadian - kejadian yang berlaku beberapa hari lalu sebagai sesuatu yang malang.

Mengenai keadaan keselamatan di Negeri Sabah, beliau yakin polis boleh mengawal keselamatan tanpa apa-apa kuasa yang istimewa.

Kata beliau, mereka boleh mengawal keselamatan dengan kuasa yang ada dan yakin bahawa Sabah tidak akan terancam dengan tinda-

kan - tindakan yang tidak bertanggungjawab.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan tidak akan mengisytiharkan darurat di Sabah bagi mengatasi krisis politik di negeri ini.

Mengenai rakyat asing di sini, beliau berkata mereka yang tidak mempunyai permit pekerjaan akan dihantar balik ke negara asal.